

SIKAP PENCARUM DAN PENGARUHNYA TERHADAP TINGKAH LAKU PENAMAAN WASI DI KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA

Mohd Musa Bin Sarip¹, Mohamad Sabri Haron², Khairul Anwar Mastor³

mmusasarip@gmail.com¹, sabrie@ukm.my², kam2000@ukm.my³

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, KUIS^{1,2},
Pusat Pengajian Umum, UKM,

ABSTRAK

Sistem penamaan telah lama diamalkan di Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Pelaksanaan penamaan dalam kalangan pencarum masih berada di peringkat yang rendah. Berbagai isu dan permasalahan berkaitan yang dibincangkan dalam pelbagai lapisan peringkat. Oleh itu, kajian ini dijalankan adalah untuk meninjau tahap sikap ke atas sistem penamaan wasi dan kesannya terhadap kecenderungan tingkah laku penamaan wasi dalam kalangan pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Seramai 566 orang pencarum beragama Islam di negeri Selangor dijadikan sampel kajian. Kaedah tinjauan menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian telah digunakan. Data diproses dan dianalisis menggunakan perisian IBM SPSS versi 20. Kajian ini mendapati persepsi responden terhadap sikap kebaikan dan sikap tanggungjawab adalah positif dan signifikan terhadap tingkah laku penamaan wasi yang sebenar. Sebagai kesimpulan, tingkah laku pencarum dalam membuat penamaan wasi boleh dipertingkatkan dengan adanya sikap positif pencarum melalui kempen-kempen dan ceramah-ceramah kesedaran berkenaan sistem penamaan wasi dalam kalangan masyarakat Islam.

Kata Kunci : KWSP, wasi, pencarum, tingkah laku

1.0 PENGENALAN

Sistem penamaan merupakan salah satu kaedah yang digunakan bagi memudahkan urusan pentadbiran harta seseorang selepas kematiannya. Sistem ini telah menjadi suatu amalan di Kumpulan Wang Simpanan Pekerja sejak sekian lama sama ada untuk yang beragama Islam atau bukan Islam. Amalan penamaan telah dinyatakan di dalam Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 secara umum dan diikuti penjelasan tambahan ada disebutkan juga dalam peraturan-peraturan dan kaedah-kaedahnya. Namun, amalan penamaan ini masih dipandang sepi oleh majoriti ahli KWSP sehingga kini. Penglibatan pemilik wang simpanan persaraan iaitu pencarum KWSP terhadap pelaksanaan sistem penamaan ini masih di peringkat yang rendah (Jasni Sulong 2011). Menurut laporan yang dibuat oleh pihak KWSP pada tahun 2003 hanya kira-kira 30.8 peratus iaitu 3.2 daripada 10.4 juta ahli yang telah membuat penamaan terhadap caruman masing-masing (News Straits Times 9 November 2003). Manakala pada tahun 2009 pula dicatatkan masih sekitar 30 peratus yang telah mempunyai penama berbanding lebih 11 juta pencarum KWSP yang berdaftar (Hizwani Hassan 2009 & Suhaida Abu Bakar 2010). Bahkan sehingga Oktober 2012 didapati hanya seramai 3.4 juta daripada lebih 13 juta pencarum KWSP mempunyai penama iaitu dianggarkan hanya 26 peratus pencarum yang telah menamakan penama ke atas wang simpanan persaraan mereka (Farizan Kamaluddin 2012). Fenomena tingkah laku penamaan wasi yang rendah dalam kalangan pencarum boleh diatasi jika pengurusan terhadap punca berlakunya penolakan dapat ditangani. Berdasarkan kepada teori tingkah laku didapati sikap merupakan salah satu faktor utama yang memainkan peranan dalam mempengaruhi sesuatu tindakan atau perlakuan (Ajzen 1991). Justeru, sikap pencarum telah dikenalpasti mampu melahirkan tingkah laku yang boleh mempengaruhi kepada peningkatan amalan penamaan dalam kalangan pencarum KWSP. Tujuan kajian ini adalah untuk mengetahui sejauhmanakah kompleksiti sikap dan hubungannya terhadap tingkah laku penamaan wasi dalam kalangan pencarum yang beragama Islam.

2.0 SOROTAN LITERATUR

Sistem Penamaan Wang Simpanan KWSP Menurut Undang-Undang Islam

Sistem penama ke atas harta alih khususnya masih lagi menjadi isu yang berpanjangan di Malaysia. Isu mengenai penamaan telah menarik perhatian banyak pihak terutamanya berkaitan pengurusan harta alih bagi masyarakat Islam. Walaupun sudah ada fatwa tentang status harta penamaan, namun masih terdapat banyak pemilik harta alih yang tidak mempedulikan tanggungjawab tersebut. Jika ditinjau dari sudut undang-undang, sistem penamaan yang telah diamalkan sebelum negara merdeka lagi adalah merupakan suatu bentuk arahan yang sah dan pemakaiannya meliputi orang-orang Islam dan bukan Islam. Sistem penamaan sama sekali berbeza dengan Ordinan Wasiat 1959 yang terpakai kepada orang-orang bukan Islam sahaja (Mohd Ridzuan Awang 1994 & Jasni Sulong 2011). Malahan, isu penamaan ini juga telah dibincangkan dalam pelbagai peringkat pertemuan oleh golongan agamawan. Perbincangan dimulakan oleh Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam (kini dikenali Majlis Muzakarah Fatwa Kebangsaan) telah mengeluarkan fatwa pertama berkenaan status harta penama orang Islam dan dipersetujui oleh Mesyuarat Majlis Raja-Raja pada 20 September 1973, adalah seperti berikut;

Penama-penama Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Wang Simpanan Pejabat Pos, Bank, Insurans dan Syarikat Kerjasama sebagai orang yang melaksanakan wasiat si mati daripada sumber-sumber tersebut untuk dibahagikan kepada orang yang berhak menurut pembahagian faraid [M.L.J 10 1974].

Perkara yang sama juga telah dibahaskan pada peringkat seterusnya di dalam satu kertas kerja oleh Majlis Muzakarah Fatwa Kebangsaan bertarikh 19 September 2000 (Narizan Abdul Rahman 2006 & Jasni Sulong 2011). Hasil daripada muzakarah telah mengeluarkan fatwa berkenaan hukum wang simpanan KWSP, SOCSO dan seumpamanya bagi pencarum yang beragama Islam yang meninggal dunia berbunyi seperti berikut:

- i. Wang KWSP dan yang disimpan adalah pusaka yang mesti dibahagikan menurut hukum faraid.

ii. Penama KWSP adalah wasi atau pentadbir harta. Penama hendaklah membahagikan wang KWSP (peninggalan si mati) mengikut hukum faraid.

iii. Bahagian Undang-undang, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) hendaklah menasihatkan KWSP supaya menyemak semula peraturan dan undang-undang yang sedia ada berhubung dengan penamaan supaya selaras dengan hukum syarak.

Fatwa kebangsaan mengenai status harta penamaan telah mengorak langkah kepada beberapa negeri untuk mewartakan status harta penama kepada pemilik harta alih beragama Islam di negeri Kedah, Kelantan, Perak, Negeri Sembilan, Pahang, Selangor dan Wilayah Persekutuan (Jasni Sulong 2011). Negeri Selangor umpamanya, telah mengeluarkan fatwa dan mewartakan pada 9 Mei 2002 dengan menyatakan bahawa harta penama sebagai harta pusaka dan wasi adalah sebagai pemegang amanah (Mufti Selangor 500-2: PU Sel. AGM). Begitu juga di Wilayah Persekutuan telah mewartakan pada 18 Januari 2001 perkara yang sama di atas, dengan menggunakan seksyen 34 Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan 1993).

Berdasarkan kepada fatwa tersebut, jelas bahawa konsep wasi adalah suatu bentuk pemberian amanah atau pengamanahan sesuatu dalam Islam dikenali sebagai wisayah iaitu bersamaan dengan konsep *will* atau wasiat dalam undang-undang sivil. Oleh yang demikian, penggunaan konsep wasi adalah bersesuaian dalam pelaksanaan sistem penamaan sebagaimana yang telah difatwakan (Mohd Ridzuan Awang 1994, Abdul Aziz Hassan & Yusmawati Yusop 2006). Tanggungjawab penama sebagai pemegang amanah merupakan pelaksana segala arahan dan pentadbiran pusaka selepas kematian (Naziree Md Yusof 2008 & Nasrul Hisyam Nor Muhammad, 2012). Wisayah juga mempunyai rukun dan syarat-syarat yang mesti dipatuhi, iaitu orang yang diamanahkan (wasi), orang yang mengamanahkan (musi), harta yang diamanahkan dan juga sighah ijab dan qabul (al-Nawawi A. Z. t.th & al-Sharbiniyy al-Khatib 1997).

Teori Sikap

Fishbein dan Ajzen (1975) menyatakan sikap merupakan faktor yang berpengaruh terhadap tingkah laku seseorang. Sikap adalah merupakan suatu tingkah laku psikologi yang tidak boleh diperhatikan secara keseluruhan melalui perlakuan. Tingkah laku individu berlaku akibat dorongan dalaman yang diperolehi daripada pengalaman lepas yang dipelajarinya serta berkecenderungan untuk melakukannya pada masa akan datang. Ostrom (1969) pula menyatakan sikap terdiri daripada kepercayaan perasaan dan kecenderungan untuk bertindak terhadap sesuatu objek atau keadaan. Sikap yang positif akan mempengaruhi tingkah laku yang positif, manakala sikap negatif akan memberikan impak negatif kepada tingkah laku tersebut (Mueller 1986). Perkara ini bermaksud seseorang akan membuat keputusan untuk bertindak sekiranya beliau menilai perlakuan sesuatu tingkah laku adalah positif baginya. Jika sebaliknya, beliau menilai sesuatu tingkah laku sebagai negatif baginya.

Sikap diukur dengan cara yang spesifik berdasarkan kepada teori sikap yang telah banyak digunakan dalam penyelidikan dan ianya mampu memberikan kebaikan dalam bentuk teori dan praktikal dalam kajian mengenai tingkah laku individu. Menurut Allport dalam nukilan Ajzen (2005) mendakwa bahawa sikap merupakan kesediaan mental dan fizikal yang membentuk pengaruh ke atas tindakan seseorang. Bentuk kesediaan seseorang mempunyai tiga komponen utama iaitu afektif, kognitif dan konatif (tingkah laku) (Oskamp 1991). Komponen kognitif mengandungi kepercayaan dan pemikiran yang seseorang individu mempunyai suatu objek sikap. Komponen afektif mengandungi perasaan positif atau negatif ke arah objek. Komponen konatif atau kelakuan mengandungi hasrat melakukan dan perpindahan kelakuan dalam cara yang diberikan ke arah objek. Sebelum sesuatu tingkah laku dilakukan, ketiga-tiga asas ini memainkan peranan secara serentak dan bersama-sama. Manakala Ajzen (2005) pula menyatakan bahawa sikap ditakrifkan sebagai satu bentuk penilaian individu ke atas sesuatu tingkah laku. Bentuk penilaian ini akan menghasilkan dua bentuk kepercayaan iaitu sama ada perlakuan sesuatu tingkah laku itu menguntungkan dirinya atau tidak. Penilaian yang menguntungkan akan mempengaruhi tingkah laku secara positif manakala penilaian tidak menguntungkan akan mempengaruhi tingkah laku secara negatif.

Kajian ini mengambil pendekatan bahawa sikap merupakan satu konstruk yang mempunyai pelbagai dimensi. Ketepatan mengukur sikap sama ada ianya kompleks atau tidak sangat berkait dengan objek sikap yang hendak dikaji. Objek yang kompleks seperti fungsi sesebuah organisasi, sesuatu peristiwa dan sebagainya merupakan objek yang melibatkan pandangan orang ramai mengenainya. Dalam konteks sistem penamaan wasi di KWSP, sesetengah masyarakat Islam mungkin berpendapat bahawa sistem ini dapat dilaksanakan dengan baik tetapi pada masa yang sama ada pula kumpulan masyarakat Islam yang berpandangan bahawa sistem penamaan tidak sesuai diamalkan dan kurang berkesan dalam soal pelaksanaannya. Perkara ini menunjukkan bahawa sikap terhadap sistem penamaan di KWSP adalah kompleks kerana fungsinya boleh disalahgunakan. Justeru, ianya wajar dikaji dalam aspek kompleksitinya. Atas dasar inilah kajian ini mengambil pendekatan bagi mengkaji sikap dengan lebih mendalam bagi mengetahui komponen-komponennya serta perkaitan setiap komponen tersebut dengan tingkah laku penamaan wasi dalam kalangan pencarum beragama Islam.

Literatur ada melaporkan kajian-kajian yang secara langsung melihat hubungan antara sikap masyarakat berhubung dengan sesuatu isu atau organisasi terhadap tingkah laku. Namun kajian berkenaan tingkah laku penamaan atau perlantikan wasi secara khusus sukar ditemui. Dalam bidang zakat contohnya, Kamil Md Idris dan Ahamd Mahdzan Ayob (2002) mengkaji sikap penjawat awam terhadap fatwa kewajipan berzakat dan kesannya terhadap tingkah laku berzakat. Kajian mereka mendapati bahawa komponen sikap positif, sikap was-was dan sikap bersyarat berkait secara positif dan signifikan dengan tingkah laku pembayaran zakat. Manakala sikap am dan sikap teknikal tidak mendapati hubungan secara positif dan signifikan. Kajian Ram AlJaffri Saad, Kamil Md Idris dan Zainol Bidin (2009) juga mendapati sikap positif dan sikap berprasangka adalah signifikan berbanding sikap menggalakkan, sikap penolakan total dan sikap bersyarat terhadap tingkah laku pembayaran zakat perniagaan.

Sejajar dengan kajian-kajian tersebut, kajian ini meninjau sikap pencarum beragama Islam terhadap sistem penamaan wasi di KWSP. Pelbagai persepsi dilontarkan oleh mereka mengenai sistem penamaan kerana peranan fungsinya untuk digunakan ke atas pencarum-pencarum yang beragama Islam.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini lebih berbentuk kajian penerokaan yang bertujuan memberikan gambaran awal tentang hubungan sikap terhadap tingkah laku penamaan wasi dalam kalangan penjarum KWSP. Responden kajian terdiri daripada penjarum KWSP yang beragama Islam di negeri Selangor. Sejumlah 700 borang soal selidik telah diedarkan kepada penjarum melalui kaedah persampelan bertujuan.

Analisis data menggunakan program perisian IBM SPSS versi 20 digunakan dalam kajian ini. Data yang diperoleh ditukar kepada kod-kod tertentu yang akan mewakili pemboleh ubah sepertimana terdapat dalam soal selidik. Data kemudiannya dianalisis kepada dua fasa, iaitu fasa penilaian kedudukan instrumen dari segi kepercayaan dan kesahihan seterusnya fasa menentukan hubungan antara sikap dengan tingkah laku penamaan wasi. Kebolehpercayaan instrumen yang baik berdasarkan nilai Cronbach Alpha 0.70 atau lebih dan nilai 0.60 masih boleh diterima bagi peringkat kajian penerokaan (Hair et.al 2006), bagi mengukur tahap konsisten instrumen dengan konsep yang diukur. Bagi tujuan kesahihan, ujian kesesuaian dan ujian identiti matriks data diperiksa menggunakan ukuran *Kaiser-Mayer-Olkin* (KMO) dan *Bartlett Test of Sphericity* (BTS) dapat menguji sama matriks korelasi adalah matriks beridentiti atau tidak. Nilai KMO yang menunjukkan kesesuaian penggunaan analisis faktor penerokaan adalah berada pada kedudukan 0.70 dan ke atas manakala nilai di bawah 0.50 adalah tidak boleh diterima. Nilai BTS yang menunjukkan matriks korelasi adalah bukan matriks beridentiti mestilah signifikan (sig.=0.000). Selepas ujian-ujian ini dipenuhi analisis faktor dilakukan bagi melihat komponen-komponen dalam konstruk penerimaan penjarum terhadap sistem penamaan wasi. Proses ini dijalankan dengan menggunakan analisis pinsipal dengan putaran varimax. Kewujudan sesuatu komponen ditentukan berdasarkan nilai eigen dan peratusan varian diterang. Nilai eigen yang melebihi 1.0 bagi setiap komponen adalah signifikan bagi membentuk satu komponen (Hair et.al 2006). Komponen yang signifikan akan diteliti dari aspek beban faktor yang terkandung di dalamnya. Nilai beban faktor sekurang-kurangnya 0.30 dan ke atas adalah signifikan bagi menjelaskan varian sebanyak 25% bagi sesuatu item. Seterusnya, setiap komponen yang signifikan dianggap angkubah tersendiri dengan membawa skor terkumpul (*summated score*). Skor terkumpul merupakan jumlah skor bagi setiap item yang mewakili sesuatu komponen.

Setelah instrumen ini telah mencapai tahap kebolehpercayaan, kesahihan dan memenuhi kriteria bagi dikenalpasti sebagai satu komponen, analisis regresi berganda (*multiple regression analysis*) diaplikasi. Dalam prosedur analisis ini, kecenderungan tingkah laku penamaan wasi merupakan pemboleh ubah bersandar yang diramalkan oleh pemboleh ubah tidak bersandar yang diwakili oleh komponen-komponen sikap yang terhasil daripada analisis faktor. Tingkah laku diukur berdasarkan ciri-ciri seperti saranan Ajzen dan Fishbein (1980) dan terdiri daripada empat kenyataan menggunakan ukuran skala Likert 5 mata. Pemboleh ubah-pemboleh ubah ini diaplikasikan dalam model regresi berganda seperti berikut:

$$Y = b_0 + b_1X_1 \dots b_nX_n$$

di mana,

Y = tingkah laku penamaan wasi

b_0 = intercept (tetap)

$b_1X_1 \dots b_nX_n$ = komponen sikap (n bergantung kepada keputusan analisis faktor)

Bagi tujuan ujian signifikan terhadap model di atas, nilai t bagi setiap pemboleh ubah digunakan sebagai ukuran. Nilai kritikal bagi tahap signifikan pada 0.05 ialah 1.96 (Hair et.al 2006). Koefisien yang diperolehi daripada analisis regresi dijadikan petunjuk kepada kewujudan hubungan antara pemboleh ubah dan bukan bertujuan untuk membuat ramalan. Soalan sikap adalah berbentuk skala likert iaitu sangat tidak setuju (1), tidak setuju (2), tidak pasti (3), setuju (4) dan sangat setuju (5). Terdapat tiga bahagian, iaitu bahagian (a) adalah demografi responden, bahagian (b) sikap terhadap sistem penamaan wasi dan bahagian (c) kecenderungan tingkah laku penamaan wasi. Bahagian (a) mempunyai enam soalan, manakala bahagian (b) pula mempunyai 13 soalan dan bahagian (c) terdapat 4 soalan.

4.0 ANALISA DATA

Secara keseluruhannya, sebanyak 602 telah dikembalikan kepada subjek. Daripada jumlah tersebut, hanya 556 soal selidik yang dapat digunakan bagi tujuan analisis seterusnya. Responden dalam kajian ini, seramai 339 pencarum adalah dalam kalangan perempuan (61.0%) dan bakinya 217 pencarum lelaki (39.0%) telah dilibatkan. Berdasarkan umur responden, didapati 246 orang pencarum (44.2%) berumur 31 hingga 40 tahun, 225 orang pencarum (40.5%) berumur 30 tahun ke bawah, 68 orang pencarum (12.2%) berumur 41 hingga 50 tahun dan 17 orang pencarum (3.1%) berumur 51 tahun ke atas. Manakala tahap akademik responden pula adalah 166 orang pencarum (29.9%) memiliki sijil diploma, 128 orang pencarum (23.0%) berkelulusan Sijil Pelajaran Malaysia dan ke bawah, 103 orang pencarum (18.5%) memiliki sijil sarjana muda, 90 orang pencarum (16.2%) berkelulusan sarjana, 61 orang pencarum (11.0%) mempunyai Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia dan setaraf dengannya dan 8 orang pencarum (1.4%) memiliki kelulusan doktor falsafah.

Selanjutnya profil responden berdasarkan pendapatan bulanan, 212 orang pencarum (38.1%) berpendapatan kurang dari RM1500.00, 184 orang pencarum (33.1%) berpendapatan RM1501.00 hingga RM3000.00, 129 orang pencarum (23.2%) berpendapatan RM3001 hingga RM5000.00 dan 31 orang pencarum (5.6%) mempunyai pendapatan bulanan melebihi RM5001.00 ke atas. Manakala dalam aspek status perkahwinan responden, 400 orang pencarum (71.%) dalam perkahwinan, 143 orang pencarum (25.7%) masih bujang dan 13 orang pencarum (2.3%) telah menjadi janda atau pun duda. Dalam sektor pekerjaan pula, seramai 384 orang pencarum (62.6%) adalah terdiri daripada kakitangan swasta dan bakinya 208 orang pencarum (37.4%) bekerja dalam sektor awam.

Langkah pertama analisa data ialah menilai kedudukan kebolehpercayaan instrumen kajian. Ujian ini menunjukkan bahawa instrumen sikap berada pada kedudukan yang baik apabila mencatatkan nilai Cronbach Alpha bernilai 0.89. Nilai KMO juga berada pada kedudukan yang baik iaitu 0.87 dengan ujian kesferaan Bartlett adalah signifikan ($p=0.000$).

Perkara ini menunjukkan bahawa item-item ini mempunyai justifikasi yang sangat baik bagi konsistensi dan kesesuaian penggunaan analisis faktor.

Jadual 1 memaparkan hasil analisis faktor bagi item-item dalam kajian. Nilai beban faktor yang signifikan adalah tidak kurang daripada ± 0.30 . Nilai beban faktor ± 0.30 merupakan nilai minima bagi tujuan pentafsiran struktur sesuatu komponen (Hair et.al 2006). Semua item mempunyai beban faktor yang baik daripada senarai item-item kajian. Keputusan analisis faktor menunjukkan terdapat tiga komponen terbentuk yang mempunyai nilai eigen melebihi 1. Ketiga-tiga komponen ini dapat menerangkan sebanyak 65% kedudukan varian faktor sikap. Nilai keseragaman bagi semua item dalam setiap komponen adalah mencukupi, iaitu melebihi 0.50 untuk justifikasi analisis cabutan ke atas faktor matriks. Komponen satu terdiri daripada enam item, kompoen dua mempunyai empat item dan diikuti dengan komponen tiga yang mempunyai tiga item. Kesemua komponen diberikan nama berdasarkan ciri-ciri item yang bersangkutan dengan komponen yang diwakilinya. Nama-nama yang dicadangkan ialah komponen satu (sikap teknikal), komponen dua (sikap tanggungjawab) dan komponen tiga (sikap kebaikan).

Jadual 1: Matriks Komponen Diputar (Varimax) bagi Sikap (N=556)

	Komponen		
	1	2	3
Komponen 1 (Sikap Teknikal – 6 item)			
Borang penamaan KWSP senang diperolehi.	.635		
Maklumat penamaan mudah dikemaskini.	.724		
Berpuas hati tentang kaedah pendaftaran penamaan.	.713		
Borang penamaan tidak mengelirukan.	.754		
Tiada sebarang kos/bayaran dikenakan.	.765		
Pembayaran wang secara sekaligus.	.695		
Komponen 2 (Sikap Tanggungjawab – 4 item)			
Dapat mempercepatkan urusan pengeluaran wang.		.809	
Saya pasti melantik penama yang dipercayai.		.757	

Saya menyokong sistem penamaan di KWSP.	.752
Pelantikan penama adalah tindakan yang tepat.	.568
Komponen 3 (Sikap Kebaikan – 3 item)	
Dapat memberi manfaat kepada ahli waris.	.587
Pelantikan wasi adalah digalakkan dalam Islam.	.835
Senang hati dapat melantik penama bertanggungjawab.	.841

Nota: Kaedah cabutan: Analisis komponen utama

Kaedah pusingan: Varimax dengan *Kaiser Normalization*

Seterusnya, Jadual 2 melaporkan hasil analisis regresi berganda. Secara keseluruhan, model sikap bagi sistem penamaan wasi terhadap tingkah laku penamaan wasi menunjukkan ramalan tingkah laku yang baik. Hasil kajian mendedahkan bahawa ramalan mengenai tingkah laku adalah 23% (adjusted $R^2 = 0.23$). Keadaan ini membawa maksud bahawa 23 peratus varian dalam tingkah laku penamaan wasi dapat diterang melalui komponen-komponen sikap terhadap sistem penamaan wasi. Selain itu, keputusan juga menunjukkan bahawa wujud perkaitan positif yang signifikan antara sikap kebaikan dan sikap tanggungjawab dengan tingkah laku. Komponen kebaikan mempamerkan hubungan positif yang signifikan pada tahap $p < 0.05$ apabila mencatatkan nilai $t = 6.23$, iaitu melebihi 1.96. Dapatan yang sama juga diperolehi bagi sikap tanggungjawab yang berhubungan secara positif yang signifikan dengan nilai $t = 5.03$; $p < 0.05$. Dapatan kajian ini menandakan bahawa kecenderungan tingkah laku penamaan wasi akan meningkat sejajar dengan peningkatan sikap mereka yang positif terhadap sistem penamaan yang diamalkan. Dapatan ini selari dengan dapatan Kamil Md Idris dan Ahamd Mahdzan Ayob (2002) mendapati sikap positif, sikap was-was dan sikap bersyarat didapati mempengaruhi tingkah laku pembayaran zakat gaji secara positif dan signifikan. Ram AlJaffri Saad, Kamil Md Idris dan Zainol Bidin (2009) pula melaporkan perkaitan positif signifikan antara sikap positif dengan tingkah laku pembayaran zakat perniagaan. Walau bagaimanapun, komponen teknikal didapati tidak signifikan (nilai t kurang daripada ± 1.96). Justeru, tiada keterangan kukuh diperolehi bagi menyokong hubungan komponen teknikal ini dengan tingkah laku penamaan wasi.

Jadual 2: Analisis Regresi Berganda Sikap Terhadap Tingkah laku

	Model	Koefisien tidak terpiawai		Koefisien	t	Sig.
		B	Ralat piawai	Beta		
1	(Tetap)	2.231	.164		13.628	.000
	Sikap kebaikan	.146	.013	.443	11.622	.000
2	(Tetap)	1.843	.178		10.374	.000
	Sikap kebaikan	.097	.016	.296	6.239	.000
	Sikap tanggungjawab	.060	.012	.239	5.038	.000

Nota: Signifikan pada $p < 0.05$;

pemboleh ubah bersandar = tingkah laku;

adjusted $R^2 = 0.23$; Statistik F= 83.1 (sig=0.000).

Secara amnya, sikap kebaikan dan sikap tanggungjawab menunjukkan pencarum bersetuju dengan sistem penamaan yang diamalkan oleh KWSP. Hal ini mungkin kerana sistem penamaan ini adalah satu kaedah yang praktikal dan mudah untuk melepaskan liabiliti kehartaan KWSP sebagai pemegang amanah ke atas ahli-ahli yang telah meninggal dunia. Kaedah ini membantu dan memberi faedah kepada waris-waris ahli dalam proses pengeluaran wang simpanan si mati agar dapat diurus dengan cepat dan menjimatkan masa dan wang. Walau bagaimanapun proses penamaan wasi ini bukanlah suatu yang mudah untuk dilaksanakan. Tambahan pula melibatkan urusan pendaftaran penama di kaunter KWSP adalah suatu yang kompleks dan memerlukan penerimaan secara menyeluruh oleh pencarum. Ada di kalangan masyarakat yang masih menganggap bahawa sistem penama ini sama seperti akad hibah atau akad wasiat dari segi pelaksanaannya. Tambahan pula, sistem ini turut sama diaplikasikan kepada pencarum yang bukan Islam. Justeru, situasi ini sedikit sebanyak mempengaruhi sikap pencarum.

5.0 KESIMPULAN

Kajian ini bertujuan untuk memahami bentuk sikap pencarum di kalangan orang Islam terhadap sistem penamaan wasi yang sebenar di KWSP. Keputusan kajian melaporkan bahawa bentuk sikap ini boleh diwakili oleh tiga komponen iaitu sikap kebaikan, sikap tanggungjawab dan sikap teknikal. Dua daripada komponen iaitu sikap kebaikan dan sikap tanggungjawab didapati mempunyai hubungan yang positif dan signifikan dengan tingkah laku penamaan wasi. Justeru, sikap yang positif mampu memainkan peranan dalam menentukan keputusan seseorang mengenai sistem penamaan dan diandaikan mampu mengurangkan masalah kelewatan penyelesaian pusaka dalam kalangan pencarum yang beragama Islam. Hasil kajian ini boleh dimanfaatkan oleh pelbagai pihak yang terlibat secara langsung atau pun tidak langsung. Disarankan agar usaha-usaha untuk meningkatkan jumlah pencarum untuk melakukan penamaan wasi yang sebenar haruslah dimulakan dengan memberi perhatian serius kepada tahap tingkah laku penamaan menurut syariat Islam. Institusi KWSP khususnya perlu mempertingkatkan lagi usaha untuk mendedahkan kepada masyarakat tentang hal-hal yang berkaitan dengan sistem penamaan dan wisayah dengan mengadakan kempen-kempen dan juga ceramah-ceramah kesedaran tentang sistem penamaan wasi dalam kalangan orang-orang Islam. Pentingnya kefahaman yang jelas mengenai konsep wisayah mampu meningkatkan kepercayaan pencarum untuk melaksanakan sistem penamaan ini serta dapat mempercepatkan pengurusan harta pusaka pada masa akan datang.

RUJUKAN

M.L.J 10, 1 (1974).

News Straits Time. (9 November 2003).

Abdul Aziz Hassan & Yusmawati Yusop. (2006). perancangan harta di ZAR Perunding Pusaka Sdn. Bhd. In M. Siti Mashitoh, *Harta amanah orang Islam di Malaysia perspektif undang-undang dan pentadbiran* (pp. 149-170). Kuala Lumpur.

Ajzen I. (2005). *Attitudes, Personality and Behavior* (Second edition ed.). New York, USA: Open University Press.

Ajzen, I. & Fishbein, M. (1980). *Understanding attitudes and predicting social behavior*. Englewood Cliffs, N.Z: Printice-Hall.

Ajzen, I. (1991). The theory of planned behavior. *Organizational Behavior and Human Decision Process*, 50(2), 179-211.

Berita Harian. (2010, Jun 25). *Elak keluarga bertelingkah rebut pusaka*. Amanah Raya Berhad.

Dewan Masyarakat. (2007, Julai). p. hlm. 36.

Farizan Kamaluddin. (2012, Disember 11). Amalan Sistem Penamaan KWSP. (Mohd Musa Sarip, Interviewer)

Fishbein, M., & Ajzen, I., (1975). *Belief, Attitude, Intention and Behavior: An Introduction to Theory and Research: Reading*. MA: Addison-Wesley.

Hair, J.F., Black, W.C., Babin, B.J., Anderson., R.E, & Tatham, R.L. (2006). *Multivariate Data Analysis* (Sixth ed. ed.). New Jersey: Pearson International Edition.

Harian Metro. (2011, Julai 29). Setempat. *RM120j harta tak dituntut*, p. hlm. 53A.

Hizwani Hassan. (2009, September 6). Sistem Penama KWSP. (T. Malaysia Hari Ini, Interviewer)

- Jasni Sulong. (2011). *Pembaharuan undang-undang pentadbiran pusaka Islam*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Kamil Md Idris, & Ahamd Mahdzan Ayob,. (2002). Peranan sikap dalam gelagat kepatuhan zakat pendapatan gaji. *Analisis*, 9(1&2), 171-191.
- Mohd Ridzuan Awang. (1994). *Undang-undang tanah Islam: pendekatan perbandingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Ridzuan, A. (2008). Pengurusan pusaka dan wasiat orang Islam di Malaysia. *Prosiding Konvensyen Kebangsaan Pengurusan Harta Pusaka, Wasiat dan Wakaf* (pp. 1-31). Bangi: Jabatan Syariah, UKM.
- Mueller, D. (1986). *Measuring Social Attitudes*. New York: Teachers Collage.
- Narizan Abdul Rahman. (2006). Pentadbiran Harta Amanah Orang Islam: Tinjauan kepada harta penama. In Siti Mashitoh Mahamood, *Harta Amanah Orang Islam di Malaysia* (pp. 209-223). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ostrom, T. (1969). The relation between the effective, behavioral and cognitive components of attitude. *Journal of Experimental Social Psychology*, 5, 12-30.
- Ram AlJaffri Saad, Kamil Md Idris & Zainol Bidin. (2009). Peraturan Pembayaran Zakat Kepada Institusi Zakat: Sikap Peniaga dan Kesannya Terhadap Gelagat Pembayaran Zakat Perniagaan. *Jurnal Syariah*, 607-630.
- Suhaida Abu Bakar. (2010). *Penamaan dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Tabung Haji: Satu kajian menurut undang-undang Islam (Tesis Sarjana)*. Bandar Baru Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Utusan Malaysia. (2011, Mac 30). *RM42b harta dibeku* .